

24/12/1997

MSC adalah modal intelektual

DAYA usaha teknologi maklumat (IT) Malaysia menerusi projek Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah contoh terbaik kepemimpinan pemikiran global, kata Presiden Lotus Development Corporation, Jeff Papows.

Menurutnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sepatutnya diberi pujian kerana berwawasan serta konsisten untuk memajukan industri (IT) negara.

Beliau berkata, MSC menunjukkan contoh terserlah kepemimpinan pemikiran kerajaan Malaysia mencuba menghasilkan ekonomi berasaskan ilmu dan bukan sekadar material dan ekonomi barangan secara besar-besaran.

"Bagi saya, MSC bukan mengenai Cyberjaya atau semua jenis struktur fizikal yang amat besar. Ia adalah mengenai ilmu dan modal intelektual," katanya minggu lalu.

Ditanya sekiranya Malaysia agak terlambat dalam menceburi dunia IT selepas Amerika Syarikat, sesetengah negara Eropah, Jepun, Korea Selatan dan India sudah pun mara ke depan, katanya: "Saya tidak fikir anda terlambat. Adalah tidak terlambat melabur dalam manusia."

Beliau berpendapat Malaysia menceburi bidang IT tepat pada waktunya, kerana persekitaran perniagaan hidup dalam paradigma perkiraan berdasarkan "Windows CC++" dan cip berasaskan Intel buat seketika.

Katanya, meskipun dunia akan terus mengguna pelantar seumpama itu pada kebanyakannya pada masa depan, terdapat paradigma baru berasaskan Java, rangkaian dan Internet.

"Saya fikir jika kumpulan akan datang saintis muda Malaysia boleh dilabur dalam bidang seperti perisian kumpulan dan pesanan Internet, anda boleh memasukkan banyak pemimpin industri menyertai di sini," katanya.

Papows berkata, kekuatan Malaysia terletak dalam pelbagaian etnik, sosial dan agama dan MSC boleh menjadi pintu gerbang kepada banyak pasaran sedang muncul.

Papows berkata, tiada sebab mengapa Malaysia tidak boleh berjaya dalam dunia IT, beliau menambah bahawa Lotus telah menunjukkan komitmennya dengan menubuhkan pusat pendidikan Asia-Pasifik di Malaysia disebabkan daya usaha MSC.

Kira-kira 40 jurutera penyelesaian sedang berusaha dalam penyelesaian menegak seperti perbankan, automasi tenaga jualan dan kerajaan tanpa kertas berdasarkan teknologi perisian komputer Lotus.

"Kami juga bekerjasama rapat dengan universiti di sini mengenai pengurusan ilmu, mengenai daya usaha pembelajaran jarak jauh bagi kampus kolej maya, yang merupakan satu lagi inovasi yang amat baru dan memberangsangkan," kata Papows.

(END)